

**PENGEMBANGAN MODEL PERKHIDMATAN
SOSIAL BAGI WARGA TUA BERASASKAN
MASYARAKAT: KAJIAN DI KELURAHAN
SUKALUYU KOTA BANDUNG INDONESIA**

NENI KUSUMAWARDHANI

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2016

**PENGEMBANGAN MODEL PERKHIDMATAN
SOSIAL BAGI WARGA TUA BERASASKAN
MASYARAKAT: KAJIAN DI KELURAHAN
SUKALUYU KOTA BANDUNG INDONESIA**

Oleh

NENI KUSUMAWARDHANI

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan Bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Februari 2016

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Februari 2016

NENI KUSUMAWARDHANI
P-SD0058/09(R)

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan sepanjang tempoh pengajian saya menyiapkan tesis ini. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia utama saya iaitu, Prof. Madya Dr. Zulkarnain Hatta dan penyelia bersama Prof. Madya Dr. Azlinda Azman di atas bimbingan, tunjuk ajar, kerjasama, sokongan dan kesabaran yang diberikan sepanjang proses penyelidikan dan penulisan tesis ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Kementerian Sosial RI, terutama kepada Kepala Badiklit Kementerian Sosial RI di atas peluang yang diberikan untuk menjalankan pengajian di Universiti Sains Malaysia. Seterusnya diucapkan terima kasih kepada Ketua STKS Bandung di atas bantuan, sokongan dan keizinan yang diberikan kepada saya untuk menjalankan pengajian di Universiti Sains Malaysia. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada suami tercinta dan anak di atas doa, bantuan, sokongan secara fizikal dan mental yang bertahan, memahami serta sabar kerana saya sepanjang suka duka menjalankan kajian ini. Saya mengucapkan terimakasih kepada kedua orang tua, ibunda Hj. Djoeningsih dan ayahanda Abdoel Moeis (alm), yang selalu membimbing dengan penuh kasih sayang dan do'a untuk keberhasilan dalam berbagai hal, serta kepada kakak-kakak dan adik-adik di atas sokongan yang diberikan. Terima kasih juga kepada warga tua dan warga masyarakat serta kakitangan kerajaan di RW 05 dan RW 09 Kelurahan Sukaluyu Distrik Cibeunying Kaler, Kota Bandung, Indonesia, yang membenarkan kajian ini dijalankan dan memberi kerjasama dalam menyampaikan maklumat-maklumat yang diperlukan. Tak lupa saya ucapkan pula terima kasih kepada kakitangan Pusat Pengajian Sains

Kemasyarakatan, teman-teman seperjuangan dan pelbagai pihak lain yang tidak dapat saya sebutkan di atas bantuan, sokongan dan kerjasama serta memberikan motivasi sepanjang tempoh pengajian Ph.D. saya di Universiti Sains Malaysia sampai selesainya pengajian ini. Semoga semua kebaikan yang diberikan mendapat balasan berlipat-lipat dari Allah SWT.

Pulau Pinang, Februari 2016

NENI KUSUMAWARDHANI

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xi
ABSTRAK	xii
ABSTRACT	xiv
BAB I PENGENALAN	1
Latar Belakang	1
Pernyataan Masalah	8
Objektif Kajian.....	17
Soalan Kajian	18
Kepentingan Kajian.....	18
Susunan Bab Hasil Penyelidikan	19
BAB II SOROTAN LITERATUR.....	22
Pendahuluan	22
Konsep Warga Tua.....	23
Karakteristik Warga Tua.....	23
Masalah dan Keperluan Warga Tua	28
Perkhidmatan Sosial Bagi Warga Tua.....	31
Warga Tua Berdikari	42

Fungsi dan Peranan Kerja Sosial dalam Penanganan Permasalahan Warga Tua	46
BAB III KERANGKA KERJA TEORITIKAL KAJIAN.....	53
Pendahuluan	53
Warga Tua.....	54
Definisi Konseptual Warga Tua dan Ciri-ciri Perkembangan Warga Tua	54
Masalah Warga Tua dan Perkhidmatan Sosial Bagi Warga Tua.....	58
Teoritikal Penanganan Masalah Warga Tua Berasaskan Masyarakat	61
Teori Sosiobudaya Dalam Penanganan Masalah Warga Tua.....	61
Teori Sistem Sosial/Fungsionalisme Struktur Dalam Penanganan Masalah Warga Tua.....	65
Perkhidmatan Sosial Warga Tua Berasaskan Masyarakat Dalam Penanganan Masalah Warga Tua.....	76
Pengaruh Perkhidmatan Sosial Warga Tua Berasaskan Masyarakat Ke Atas Pemenuhan Keperluan Warga Tua	77
Hipotesis Kajian	84
BAB IV METODOLOGI KAJIAN	86
Pendahuluan	86
Rekabentuk Kajian	88
Pemboleh Ubah Kajian	97
Definisi Operasional Pemboleh Ubah	102
Alat Ukur/Instrumen Kajian.....	106
Instrumen Kajian Kualitatif	106

Instrumen Kajian Kuantitatif	108
Pemeriksaan Kesahan dan Kebolehpercayaan Data dan Instrumen Kajian.....	111
Pemeriksaan Kesahan dan Kebolehpercayaan Data Dan Instrumen Kualitatif	111
Pemeriksaan Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian Kuantitatif	113
Populasi dan Pensampelan	116
Populasi Kajian.....	116
Teknik Pensampelan Kaedah Kualitatif	117
Teknik Pensampelan Kaedah Kuantitatif	118
Teknik Pengumpulan Data.....	120
Teknik Pengumpulan Data Kualitatif	120
Teknik Pengumpulan Data Kuantitatif	123
Penganalisan Data	124
Penganalisan Data Kualitatif.....	124
Penganalisan Data Kuantitatif.....	125
Lokasi dan Ruang Lingkup Kajian	138
BAB V DAPATAN KAJIAN.....	141
Gambaran Lokasi Kajian.....	143
Permasalahan dan Keperluan Warga Tua dalam Menjalankan Aktiviti Kehidupan (Soalan Kajian 1).....	147
Rumusan	173
Keperluan Program Perkhidmatan Sosial Untuk Berdikari dalam Menjalankan Aktiviti Kehidupan Warga Tua (Soalan Kajian 2).....	175
Rumusan	200

Pengembangan Model Perkhidmatan Sosial Berasaskan Masyarakat bagi Warga Tua untuk Meningkatkan Warga Tua Berdikari Dalam MenjalankanAktiviti Hidup (Soalan Kajian 3).....	201
Pengaruh Pengembangan Model Perkhidmatan Sosial Berasaskan Masyarakat bagi Warga Tua Ke atas Peningkatan Warga Tua Berdikari dalam Menjalankan Aktiviti Hidupnya (Soalan Kajian 4)	215
Dapatan Uji Statistik <i>Pre Test</i> Sampel Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kontrol	216
<i>Treatment</i> yang Diberikan Ke atas Kumpulan Sampel Eksperimen	232
Dapatan Uji Statistik <i>Post Test</i> Sampel Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kontrol	235
Dapatan Uji Statistik Pengaruh Pengembangan Model Perkhidmatan Sosial Berasaskan Masyarakat Ke atas Berdikari Warga Tua dalam Menjalankan Aktiviti Hidup.....	251
Rumusan	279
BAB VI PERBINCANGAN, IMPLIKASI, DAN CADANGAN KAJIAN	282
Pendahuluan	282
Permasalahan dan Keperluan Warga Tua dalam Menjalankan Aktiviti Kehidupan (Soalan Kajian 1).....	285
Permasalahan Warga Tua DalamMenjalankan Aktiviti Hidupnya	285
Keperluan Warga Tua Dalam Menjalankan Aktiviti Hidupnya	314
Program Perkhidmatan Sosial yang Diperlukan Warga Tua untuk Meningkatkan Kendiri Warga Tua Dalam Menjalankan Aktiviti Hidup (Soalan Kajian 2)	324

Pengembangan Model Perkhidmatan Sosial Bagi Warga Tua Berasaskan Masyarakat Untuk Meningkatkan Warga Tua Berdikari Dalam Menjalankan Aktiviti Hidup(Soalan Kajian 3)	333
Pengembangan Aktiviti Program Perkhidmatan Sosial Di Karang Warga Tua	340
Objektif Pekhidmatan Sosial Karang Warga Tua	343
Sasaran Perkhidmatan Sosial di Karang Warga Tua	344
Potensi dan Sumber Kekuatan	344
Kaedah dan Prinsip-Prinsip yang Digunakan	346
Mempersiapkan Komuniti Dalam Menjalankan Perkhidmatan Sosial di Karang Warga Tua.....	352
Pengaruh Pengembangan Model Perkhidmatan Sosial Bagi Warga Tua Berasaskan Masyarakat Ke Atas Peningkatan Warga Tua Berdikari Dalam Menjalankan Aktiviti Hidup (Soalan Kajian 4)	356
Model Kajian	359
Implikasi Kajian.....	368
Limitasi Kajian	374
Hala Tuju Kajian.....	377

LAMPIRAN:

Panduan Studi Dokumentasi

Panduan Observasi Partisipasi (Participation Observation)

Panduan Wawancara Mendalam (Indepth Interview)

Panduan Diskusi Kelompok Terfokus (Focus Group Discussion)

SENARAI JADUAL

		Muka Surat
Jadual 1	Pertumbuhan Penduduk Warga Tua di Indonesia	1
Jadual 2	Reka Bentuk Kajian	96
Jadual 3	Pemboleh Ubah soalan Kajian dan Hipotesis	100
Jadual 4	Keperluan Data, Sumber Data dan Teknik Pengumpulan Data Melalui Analisis Kualitatif	107
Jadual 5	Lima Alternatif Jawapan Responden	109
Jadual 6	Teknik Analisa Data Soalan Kajian dan Hipotesis	137
Jadual 7	Komposisi Penduduk Kelurahan Sukaluyu Berasaskan Umur dan Jantina	143
Jadual 8	Komposisi Penduduk Kelurahan Sukaluyu Menurut Tahap Pendidikan	144
Jadual 9	Komposisi Penduduk Kelurahan Sukaluyu Menurut Mata Pencarian	144
Jadual 10	Sarana Pendidikan di Kelurahan Sukaluyu	145
Jadual 11	Sarana Kesihatan yang terdapat di Kelurahan Sukaluyu	145
Jadual 12	Lembaga Kemasyarakatan yang terdapat di Kelurahan Sukaluyu	146
Jadual 13	Dapatan Uji Statistik Hipotesis Kajian	278
Jadual 14	Persamaan dan Perbezaan antara Model Perkhidmatan Sosial	

bagi Warga Tua Berasaskan Masyarakat Yayasan Kesuma
Bandung dengan Pengembangan Model Perkhidmatan Sosial
bagi Warga Tua Berasaskan Masyarakat Dapatkan Kajian

351

SENARAI RAJAH

		Muka Surat
Rajah 1	Kerangka Kerja Teoritikal Kajian	83
Rajah 2	Rancangan Eksperimen Randomized Control-group Pretest- posttest	92
Rajah 3	Analisis Eksperimen Randomized Control-group Pretest- Posttest	125
Rajah 4	Model Struktur Diagram Jalur	128
Rajah 5	Diagram Jalur	129
Rajah 6	Pengembangan model perkhidmatan sosial warga tua berasaskan masyarakat	214
Rajah 7	Aktiviti (treatment) perkhidmatan sosial warga tua berasaskan masyarakat melalui Karang Warga Tua untuk kumpulan sampel eksperimen	235
Rajah 8	Diagram Jalur Dapatan Uji Statistik	274
Rajah 9	Model akhir pengembangan model perkhidmatan sosial bagi warga tua berasaskan masyarakat melalui ‘Karang Warga Tua	365

**PENGEMBANGAN MODEL PERKHIDMATAN SOSIAL BAGI WARGA
TUA BERASASKAN MASYARAKAT: KAJIAN DI KELURAHAN
SUKALUYU KOTA BANDUNG INDONESIA**

ABSTRAK

Satu impak keberhasilan pembangunan yang dicapai Kerajaan Indonesia, khususnya dalam bidang kesejahteraan sosial dan kesihatan adalah meningkatnya usia harapan hidup yang disertai dengan menurunnya tahap fertiliti. Keadaan ini telah menyumbang kepada pertumbuhan bilangan warga tua dalam kadar yang cepat. Kajian ini dilakukan di kelurahan Sukaluyu, Kota Bandung, Indonesia. Objektif utama kajian ini adalah untuk mendapatkan gambaran tentang: (1) permasalahan dan keperluan warga tua untuk meningkatkan tahap berdikari mereka; (2) program perkhidmatan sosial yang diperlukan warga tua; (3) pengembangan model perkhidmatan sosial bagi warga tua yang berasaskan masyarakat; dan (4) pengaruh pengembangan model perkhidmatan sosial bagi warga tua yang berasaskan masyarakat terhadap peningkatan warga tua berdikari dalam menjalankan aktiviti kehidupan mereka. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif di mana populasi kajian adalah warga tua. Teknik persampelan secara bertujuan untuk kaedah kualitatif dan random sampling untuk kaedah kuantitatif telah digunakan dalam kajian ini. Pengumpulan data dibuat menerusi teknik pemerhatian, soal selidik, temu bual mendalam dan perbincangan kumpulan fokus. Analisis data kualitatif dan kuantitatif telah digunakan untuk menghuraikan situasi sebenar berkaitan persoalan kajian. Dapatan kajian mendapati bahawa permasalahan utama yang dihadapi warga tua dalam menjalankan aktiviti kehidupan mereka merangkumi: menurunnya kekuatan fizikal, dan tahap kesihatan; masalah memenuhi keperluan fizikal, dan

keperluan keselamatan, masalah memenuhi keperluan kejiwaan/afeksi, dan masalah memenuhi keperluan sosial. Pemenuhan keperluan kepuasan berdaya cipta diri (*self creation*), dan pemenuhan keperluan kepuasan mewujudkan diri (*self actualization*) tidak menjadi masalah bagi warga tua dalam menjalankan aktiviti kehidupan mereka. Keperluan utama dalam pemenuhan keperluan warga tua pula merangkumi: (1) perkhidmatan pemeriksaan kesihatan, pemberian ubat-ubatan, dan peningkatan pemahaman dan pengetahuan warga tua tentang hidup sihat; (2) program perkhidmatan sosial aktiviti rekreasi; (3) program keagamaan (4) aktiviti sosial; dan (5) aktiviti mengisi masa terluang. Dapatan kajian mendapati bahawa pengembangan model perkhidmatan sosial bagi warga tua berasaskan masyarakat mempunyai pengaruh terhadap peningkatan warga tua berdikari dalam menjalankan aktiviti kehidupan seharian. Terdapat lima rancangan program aktiviti perkhidmatan yang dapat diamalkan dalam meningkatkan sendiri warga tua melalui pengembangan model perkhidmatan sosial berasaskan masyarakat. Ini termasuklah perkhidmatan kesihatan, program aktiviti rekreasi, program perkhidmatan keagamaan (religious), program aktiviti sosial, dan program aktiviti mengisi masa terluang. Secara teoritikal, kajian ini berguna dalam memperkaya penjelasan ilmiah dalam mengembangkan ilmu kerja sosial, khususnya tentang model perkhidmatan sosial bagi warga tua yang berasaskan masyarakat untuk meningkatkan sendiri warga tua dalam menjalankan aktiviti kehidupan. Secara praktis, hasil kajian ini boleh memberi sumbangan untuk profesion kerja sosial, kerajaan, dan pertubuhan bukan kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan sosial yang lebih berkesan untuk warga tua.

MODEL DEVELOPMENT OF COMMUNITY-BASED SOCIAL SERVICE FOR ELDERLY: STUDY AT SUKALUYU BANDUNG CITY INDONESIA

ABSTRACT

Impact of development success achieved by the Government of Indonesia, particularly in the areas of social welfare and health, is the increasing of life expectancy accompanied by a decline in fertility rates. This situation has contributed to the fast growing number of elderly people. The study was conducted at Sukaluyu, in the City of Bandung, Indonesia. The primary study objectives was to describe: (1) the problems and needs of the elderly to improve their independence; (2) social service programs needed by elderly; (3) the development of models of community-based social services for the elderly; and (4) the effect of the development of a model-based social services for elderly people to increase the independence of the elderly in carrying out their activities. This study uses qualitative and quantitative methods, in which the study population is the elderly. The qualitative methods employs sampling technique, while the quantitative methods used random sampling.. Data collection technique was done through observation, questionnaire / list of questions, in-depth interviews and focus group discussions. Qualitative and quantitative data analysis has been used to interpret the exact description of the research question. The study results showed that the main problem faced by the elderly carrying out his activities include: the decline in physical strength, and the level of health; problems in meeting physical and security needs, the problem of psychological fulfillment / affection, and the fulfillment of social problems. Meeting the needs of inventive self-satisfaction, and the fulfillment of the satisfaction of self-actualization needs does not become a problem for the elderly in carrying out his

activities. The main requirement in fulfilling the needs of the elderly covers: (1) medical examination, administration of medicines, understanding and knowledge improvement about healthy living for elderly; (2) recreational activity program of social services; (3) religious program; (4) social activity; and (5) leisure activity. Results of the study found that the development model of a community-based social services for older people have an influence on the increase of elderly independence in performing activities of life. There are five programs of service activities that can be implemented to improve the independence of the elderly through the development model of community-based social services. These include health services, recreational activities programs, religious services program, a program of social activities, and leisure time activities program. Theoretically, this study may be useful in enriching the scientific explanation in developing the science of social work, particularly on community-based services for the elderly models to increase the independence of elderly in performing activities of life. In practice, the study findings able to contribute to the social work profession, government and non-government organizations in offering the more effective social services for the elderly.

BAB I

PENGENALAN

Latar Belakang

Salah satu kesan kejayaan pembangunan yang telah dicapai oleh Indonesia, terutama dalam bidang kesejahteraan sosial dan kesihatan, adalah dengan adanya peningkatan usia kehidupan dan disertai dengan menurunnya tahap fertiliti, sehingga membawa kepada pertumbuhan jumlah warga tua secara cepat. Kemajuan teknologi dan ilmu pengetahuan dalam bidang kesihatan menyumbang kepada timbulnya pelbagai perubahan dalam masyarakat termasuklah peningkatan pada angka jangka hayat dan penurunan angka kematian.

Hasil sensus penduduk yang dijalankan oleh Biro Pusat Statistik (BPS, 2000) telah menunjukkan bahawa pada tahun 2000, usia harapan hidup telah mencapai 67 tahun daripada populasi warga tua yang dianggarkan seramai 17 juta orang, iaitu hamper 7.28% daripada jumlah keseluruhan penduduk. Pada tahun 2020, jumlah penduduk warga tua Indonesia dianggarkan mencapai 28 juta orang yang berusia 71 tahun. Perkembangan warga tua tersebut disasarkan akan terus meningkat sehingga terbentuknya *ageing society* (Suprayogi, 2000). Indonesia berada pada kedudukan keempat di peringkat dunia untuk kategori penduduk orang berusia tua selepas Cina, India dan Amerika Syarikat.

Jadual 1.
Pertumbuhan Penduduk Warga Tua di Indonesia

Tahun	Jumlah	%
1971 *)	5.306.874	4.5
1980 *)	7.998.543	5.5
1990 *)	11.277.557	6.3
2000 **)	15.262.199	7.28
2010 **)	19.936.895	8.48
2025 **)	34.615.657	13.24

Sumber : *) BPS, hasil Sensus tahun 1971, 1980, 1990, 1998

***) LD-FEUI, *Projection of Indonesia Population and Labor Force* 1995-2025

Perubahan komposisi penduduk warga tua menimbulkan pelbagai keperluan baru yang harus dipenuhi golongan warga tua. Hal ini turut membawa kepada permasalahan yang kompleks bagi warga tua, sama ada sebagai individu, sebagai anggota keluarga mahupun sebagai anggota masyarakat. Pertumbuhan bilangan warga tua boleh menimbulkan masalah dan beban sosial yang meningkat serta meluas dalam bentuk tuntutan terhadap perkhidmatan kesejahteraan hidup bagi warga tua dan penanganan pelbagai impaknya.

Penduduk warga tua bukan hanya rawan daripada segi kekuatan fizikal kesan daripada pertumbuhan usianya, tetapi juga rawan daripada segi kesihatan, ekonomi, kejiwaan, bahkan hubungan sosial budaya. Jika keadaan seperti ini tidak ditangani, impaknya bukan hanya kepada tahap individu dan keluarga, tetapi akan meluas menjadi beban sosial komuniti tempatan, baik diperingkat kebangsaan dan antarabangsa. Oleh yang demikian, penanganan masalah warga tua memerlukan antisipasi dan persiapan daripada setiap orang, setiap keluarga, masyarakat dan kerajaan, kerana perubahan yang berlaku akan memberi kesan kepadamunculnya pelbagai masalah lain yang lebih meluas.

Mempertahankan agar warga tua tetap menjalankan aktiviti hidupnya sesuai dengan kemampuannya merupakan salah satu cara untuk melambatkan proses warga tua menjadi cepat pelupa (*forgetful*). Aktif maksudnya terus berupaya menjalankan aktiviti harian. Bagi warga tua yang sudah pencecah boleh mengembangkan pelbagai macam hobi agar kemunculan penyakit yang biasa menyerang boleh dikawal. Disisi lain, melalui interaksi dengan orang lain juga dapat membantu mengurangkan warga tua untuk menjadi mudah pelupa dan merasa berguna dan dihargai.

Menjadikan warga tua untuk terus aktif merupakan suatu perkara yang dilakukan secara meluas, termasuk *World Health Organization (WHO)* yang dikenali dengan “*active ageing*”. Dalam dokumen tersebut dikemukakan bahawa “*active ageing is the process of optimizing opportunities for health, participation, and security in order to enhance quality of life as people age*” (Kemensos RI, 2008). Hasil pelaksanaannya dapat dilakukan sama ada oleh individu mahupun kelompok. Dengan kata lain, warga tua diperbolehkan untuk merealisasikan kemampuannya untuk kesejahteraan fizikal, sosial dan kejiwaan selama hidupnya, serta terus menyertai dalam masyarakat sesuai dengan keperluan, keinginan dan kapasiti yang ada pada dirinya. Dalam konsep tradisional segmen penduduk warga tua seringkali diberi label “tidak produktif”, malah dilihat sebagai beban dalam kalangan penduduk yang produktif. Sebaliknya mereka merupakan kelompok umur yang masih mempunyai potensi untuk terus menyumbang kepada keluarga mahupun masyarakat (Buletin, Yayasan Damanhuru. 2009).

Walau bagaimanapun, ramai penduduk warga tua yang berhadapan dengan masalah dan kurang mendapat perkhidmatan sosial dalam memenuhi keperluan mereka. Suprayogi (2000) telah mengemukakan pelbagai situasi dan faktor penyebab sehingga keperluan warga tua tidak dapat dipenuhi, iaitu:

1. Masih ramai jumlah warga tua yang berada dibawah paras garis kemiskinan.
2. Semakin kuatnya perkembangan model-model keluarga kecil, maka semakin kuatnya budaya yang lebih berorientasi kepada prestasi yang menyisihkan budaya askriptif dan semakin lemahnya nilai-nilai ikatan keakraban dalam keluarga.

3. Berubahnya nilai sosial masyarakat yang mengarah kepada corak masyarakat yang bersifat individualistik dan materialistik sehingga menyebabkan warga tua kurang dihargai dan dihormati, sehingga tersisih daripada kehidupan masyarakat.
4. Kurangnya integriti sosial penduduk warga tua sendiri akibat daripada kesedaran bahawa keadaan fizikal, aktiviti, kemampuan dan produktiviti mereka telah menurun. Hal ini mempunyai kesan negatif terhadap keadaan sosial kejiwaan dan interaksinya dalam masyarakat. Mereka merasa tidak diperlukan dan oleh kerana itu cenderung menarik diri daripada pergaulan masyarakat.
5. Menurunnya ikatan budaya tradisional yang memandang orang tua sebagai sebahagian daripada kehidupan keluarga dan menjadi kewajiban serta tanggung jawab anak-anaknya untuk mengurus dan merawat.
6. Masih rendahnya kuantiti dan kualiti tenaga profesion perkhidmatan sosial bagi warga tua serta masih terhadnya prasarana perkhidmatan dan kemudahan khas bagi warga tua pada pelbagai bidang.
7. Belum membudaya dan melembaganya aktiviti perkhidmatan dan bimbingan bagi warga tua di masyarakat.
8. Aktiviti yang memberi penghasilan masih tetap diperlukan oleh warga tua supaya mereka dapat hidup berdikari, akan tetapi hal ini tidak mudah kerana berhadapan pada pelbagai kendala dalaman dan luaran daripada kelompok warga tua.
9. Nasib kumpulan warga tua kini dalam keadaan yang kurang menguntungkan , kerana institusi penyokong seperti penjamin hari tua, perkhidmatan kesihatan

dan pemerksaan potensi kumpulan warga tua agar tetap produktif belum berjalan seoptima yang mungkin.

Sama seperti keperluan penduduk lain, keperluan warga tua yang harus dipenuhi untuk meningkatkan kendirinya dalam menjalankan aktiviti hidup adalah; (1) keperluan kepuasan fizikal; (2) keperluan kepuasan keselamatan; (3) keperluan kepuasan sosial; (4) keperluan kepuasan dalam berdaya cipta diri (*self creation*); dan (5) keperluan untuk kepuasan mewujudkan diri (*self-actualization*) (Maslow, 1975). Oleh kerana banyaknya halangan dan permasalahan yang dihadapi warga tua, maka dalam usaha pemenuhan keperluan tersebut perlu adanya penyertaan dan bantuan yang sebenar daripada pelbagai pihak, sama ada bantuan daripada pihak kerajaan, keluarga, bantuan serta penyertaan daripada masyarakat dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Pelbagai usaha untuk penanganan masalah warga tua telah dilaksanakan sama ada oleh kerajaan, swasta, pemberian bantuan oleh keluarga, penyelenggaraan pelbagai aktiviti oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk membantu meringankan beban warga tua dan keluarganya. Di Indonesia, penjagaan yang dijalankan secara tidak rasmi (melalui keluarga) merupakan suatu bentuk penjagaan yang paling ramai setakat ini ini. Hampir 80% warga tua hidup dalam bentuk “keluarga tiga generasi” (Masdani, 1988).

Meskipun terdapat banyak bukti bahawa ramai keluarga miskin di Indonesia sebenarnya tidak mampu lebih lama membantu orang tua mereka, tetapi keluarga masih mempunyai sikap mahu terus berbakti kepada orang tua dengan cara memberi perkhidmatan di dalam keluarga. Keadaan kemiskinan keluarga tersebut

menyebabkan perkhidmatan sosial bagi warga tua yang dijalankan dalam keluarga agak kurang maksima. Hal tersebut menyebabkan keperluan warga tua dalam menjalankan aktiviti hidupnya tidak dapat dipenuhi keseluruhannya. Jika keadaan keluarga tidak mampu memberi perkhidmatan sosial yang memadai dan layak kepada warga tua, maka kerajaan seharusnya membantu dan mengambil alih perkhidmatan sosial bagi warga tua tersebut.

Dalam kaitannya dengan pelbagai usaha perkhidmatan sosial yang dilakukan oleh kerajaan, Kementerian Sosial RI telah berupaya meningkatkan kesejahteraan sosial masyarakat termasuk dalam memberi perkhidmatan sosial lanjut usia sama ada perkhidmatan sosial yang dijalankan di pusat jagaan mahupun di luar pusat jagaan. Warta Demografi (1994) mengemukakan bahawa usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan Indonesia melalui Kementerian Sosial RI dalam meningkatkan perkhidmatan sosial bagi warga tua meliputi;

1. Meningkatkan kualiti dan keberkesanan perkhidmatan sosial dalam rangka pengembangan sumber manusia yang memberi perkhidmatan sosial kepada warga tua.
2. Meningkatkan jangkauan perkhidmatan sosial bagi warga tua dengan cara membina pusat-pusat penjagaan di pelbagai kawasan.
3. Meningkatkan profesion perkhidmatan sosial bagi warga tua sama ada yang dilakukan kerajaan mahupun masyarakat.
4. Meningkatkan penyertaan masyarakat dalam memberi perkhidmatan sosial bagi warga tua.

Walau bagaimanapun, usaha yang dijalankan oleh kerajaan tersebut belum mendapatkan hasil yang memuaskan. Dapatan kajian yang dilakukan Marwanti

(1997) mengemukakan bahawa terdapat beberapa faktor penyebab perkhidmatan sosial yang dijalankan kerajaan kepada warga tua belum seoptima yang mungkin disebabkan: (1) terhadapnya sarana dan prasarana serta kemudahan perkhidmatan sosial bagi warga tua; (2) ramainya penduduk warga tua yang memerlukan perkhidmatan sosial; (3) terhadapnya sumber manusia yang profesional.

Perkhidmatan sosial merupakan hak bagi semua orang termasuk warga tua. Oleh kerana adanya cabaran atau halangan sama ada dari keluarga mahupun kerajaan, maka penyertaan masyarakat hendaknya menjadi saluran dalam usaha memberi perkhidmatan sosial bagi warga tua. Masyarakat atau komuniti mempunyai potensi dan sumber khusus yang boleh digunakan dan dimanfaatkan dalam memberi perkhidmatan sosial bagi warga tua. Namun demikian, setakat ini penyertaan masyarakat dalam penanganan permasalahan dan pemberian perkhidmatan sosial kepada warga tua masih belum kelihatan. Salah satu penyebab belum banyaknya perkhidmatan sosial bagi warga tua yang dijalankan oleh masyarakat atau berasaskan masyarakat adalah ketidaktahuan dan ketidakmampuan masyarakat dalam mengelola sistem perkhidmatan sosial bagi warga tua. Memandangkan dalam masyarakat/komuniti terdapat pelbagai potensi dan sumber kekuatan yang boleh digunakan dalam menjalankan perkhidmatan sosial bagi warga tua, oleh itu penyertaan ahli-ahli komuniti perlu terus dipertingkatkan.

Permasalahan yang dihadapi warga tua dalam menjalankan aktiviti kehidupan hariannya merupakan permasalahan yang kompleks yang perlu penyertaan pelbagai pihak dalam menanganinya. Berdasarkan huraian yang telah dikemukakan di atas, penanganan permasalahan dan perkhidmatan sosial bagi warga tua yang disandarkan kepada penyertaan masyarakat merupakan suatu jalan alternatif yang paling baik

dalam penanganan masalah warga tua. Oleh itu, dalam kajian ini, penyelidik berusaha untuk mengembangkan model perkhidmatan sosial bagi warga tua yang berasaskan masyarakat.

Pernyataan Masalah

Dapatan kajian yang dijalankan oleh Marwanti (1997) mengungkapkan bahawa warga tua adalah orang yang sedang mengalami proses kemunduran sama ada fizikal mahupun kejiwaan, namun peringkat kemundurannya tidak sama. Oleh kerana itu, keperluan warga tua berbeza-beza sehingga memerlukan perkhidmatan yang berbeza juga. Keperluan utama warga tua masih tetap sama, iaitu keperluan makanan, pakaian, tempat tinggal (perumahan), kesihatan, kejiwaan (ketenangan) dan sosial (hubungan sosial dengan anak-anaknya, jiran dan kawan-kawannya). Sebagai mahluk sosial, warga tua memerlukan penerimaan daripada orang lain, terlepas kekurangan mahupun kelebihan, dihormati dan disenangi oleh orang lain terutama daripada keluarga mereka sendiri.

Selanjutnya, Marwanti (2007) mengemukakan bahawa warga tua perlu dibantu untuk membina kembali kepercayaan dirinya serta diberi semangat untuk berjuang kembali dan tidak pasrah. Untuk menghilangkan masalah tersebut perlu adanya peranan daripada keluarga mahupun masyarakat. Setiap orang warga tua mempunyai latar belakang permasalahan (sosial, ekonomi, budaya) yang beragam. Kewujudan warga tua hendaknya masih diperhitungkan, maknanya, mereka harus dianggap sebagai orang yang masih mampu mengembangkan potensi dan kontribusinya sesuai dengan kondisi fizikal dan kejiwannya.

Peningkatan populasi warga tua, membawa konsekuensi timbulnya pelbagai masalah bagi orang warga tua, yang berkaitan dengan penurunan keadaan fizikal dan kejiwaan kerana usia sudah tua, berkurangnya tahap sosial dan ekonomi akibat pencen, berhadapan dengan kesunyian akibat ditinggal oleh pasangan atau teman seusia dan lain-lain. Kewujudan tersebut menyokong semakin pentingnya keperluan penyediaan pelbagai ragam perkhidmatan sosial bagi orang warga tua. Irianto (2010) mengemukakan bahawa keperluan perkhidmatan sosial warga tua tersebut disebabkan oleh beberapa faktor, antara lain:

1. Makin menguatnya tipologi keluarga inti yang mengakibatkan bergesernya nilai dan pandangan keluarga terhadap warga tua;
2. Berlakunya perubahan fungsi dan peranan keluarga yang mengakibatkan makin sukarnya keluarga untuk berkeupayaan memberi perkhidmatan terbaik bagi pemenuhan keperluan warga tua;
3. Menguatnya keperluan warga tua sebagai akibat daripada pengaruh perubahan fizikal dan kejiwaan yang terus mengalami penurunan;
4. Terhadnya hubungan dan komunikasi warga tua dengan persekitarannya;
5. Kesempatan dan produktiviti kerja warga tua menurun;
6. Pada umumnya warga tua rawan terhadap penyakit;
7. Terhadnya kemampuan warga tua dalam memanfaatkan dan mendayagunakan sumber yang ada.

Selanjutnya, Irianto (2010) mengemukakan bahawa terdapat beberapa alasan perlunya perkhidmatan kesejahteraan sosial bagi warga tua, iaitu; pertama, perubahan tipe keluarga, yang semula dari keluarga besar (*extended family*) menjadi keluarga kecil (*nuclear family*). Pada awalnya dalam keluarga hanya terdiri daripada

ayah, ibu dan anak-anak. Namun sesuai dengan perkembangan keluarga terdapat peringkat dimana keluarga menghadapi anak yang menikah atau membentuk keluarga sendiri, sehingga yang terjadi adalah orang tua akan tinggal berdua sahaja, tentu sahaja keadaan ini memerlukan peranan pengganti keluarga.

Kedua, perubahan peranan pada seorang ibu rumah tangga. Pada awalnya peranan seorang ibu rumah tangga adalah hanya mengurus rumah tangga, anak-anak, dan lain-lain. Dengan adanya perubahan zaman, maka seorang ibu rumah tangga juga bertindak sebagai pencari nafkah untuk keluarga, iaitu bekerja di pejabat, berniaga dan sebagainya. Sehingga anggota keluarga seperti anak-anak dan datuk serta atuk, terpaksa harus dititipkan pada sebuah institusi tertentu iaitu Panti Wredha atau mendatangkan kerja profesion untuk memberi perkhidmatan kepada warga tua dan anak-anaknya di dalam keluarga.

Ketiga, adanya keperluan sosialisasi bagi warga tua. Dalam hal ini, jika warga tuatinggal sendiri di rumah dalam sebuah keluarga kerana anaknya harus pergi bekerja sehari penuh dan cucunya harus berangkat ke sekolah, maka ia akan mengalami perasaan kesepian, bahkan merasa bosan dan tidak bersedia ditinggal bersendirian di dalam rumah. Untuk mengatasi perasaan kesepian tersebut, ia memerlukan suatu persekitaran sosial didalam komuniti dimana terdapat beberapa kesamaan sehingga ia merasa selesa dan kembali bersemangat.

Oleh kerana itu, untuk mengatasi pelbagai permasalahan warga tua sebagaimana tersebut di atas, terdapat keperluan memberi perhatian serta penanganan khusus bagi warga tua tersebut. Sebagai usaha dalam memberi

perkhidmatan sosial bagi warga tua, Kementerian Sosial RI (2008) telah menjalankan dua model perkhidmatan sosial bagi warga tua, iaitu:

1. Perkhidmatan sosial warga tua dalam panti (*institutional-based services*).

Perkhidmatan sosial di dalam panti dijalankan melalui dua perkhidmatan sosial, iaitu: (1) perkhidmatan sosial tetap dalam panti (*full daycare services*) dimana warga tua diberi perkhidmatan sosial di dalam panti secara penuh dan menginap di dalam panti; (2) perkhidmatan harian (*daycare services*), dimana perkhidmatan sosial yang disediakan bagi warga tua di dalam yang bersifat sementara, dilaksanakan pada siang hari atau pada waktu tertentu.

Model perkhidmatan sosial warga tua melalui sistem panti adalah bentuk perkhidmatan yang menempatkan warga tua ke dalam suatu lembaga tertentu (panti) sama ada panti yang dibuat kerajaan mahupun oleh masyarakat, dimana warga tua diberi perkhidmatan sosial dalam pemenuhan keperluan hidupnya. Model perkhidmatan sosial di dalam Panti Wredha menjurus kepada warga tua diberi perkhidmatan dengan menyediakan pelbagai fasiliti yang sesuai, mulai dari keperluan asas seperti makanan, pakaian pengasramaan, kesihatan hingga keperluan aktualisasi diri (*self actualization*).

Selain itu, warga tua di dalam panti juga mendapat pelbagai bimbingan positif lainseperti program-program perkhidmatan sosial yang dapat memberi kesibukan untuk warga tua sebagai pengisian waktu luang. Antaranya pemberian bimbingan sosial kelompok dan persorangan (kaunnseling), iaitu bimbingan keagamaan, kemahiran (sesuai minat dan bakat yang dimiliki), rekreasi dalam panti dan luar panti, bantuan hukum dan advokasi, perawatan

jenazah (pemulasaran), penyaluran hobi, terapi kelompok, olah raga dan sebagainya.

2. Perkhidmatan sosial luar panti (*community-based services*) pula meliputi; (1) perkhidmatan sosial melalui *home care*, iaitu perkhidmatan sosial bagi warga tua yang tiada potensi untuk berada dalam persekitaran keluarga, yang dijalankan dengan cara memberi bantuan makanan, bantuan kebersihan, perawatan kesihatan, pendampingan, rekreasi, konseling dan rujukan; (2) perkhidmatan sosial melalui "*foster care*" iaitu perkhidmatan sosial bagi warga tua terlantar melalui keluarga orang lain; (3) perkhidmatan sosial melalui "jaminan sosial" yang berupa memberi bayaran yuran wang sebesar RM100 setiap orang setiap bulan.

Berkaitan dengan model perkhidmatan sosial bagi warga tua yang dikemukakan di atas, Irianto (2010) mengungkapkan bahawa selain adanya kekuatan yang bersifat positif daripada dua model perkhidmatan sosial bagi golongan warga tua (sama ada sistem panti mahupun luar panti), terdapat juga beberapa kelemahan iaitu:

1. Ramainya warga tua yang memerlukan perkhidmatan sosial belum diimbangi dengan kesediaan sarana dan prasarana keberadaan panti dan cagaran biaya dari kerajaan yang memadai. Dalam hal ini, sistem perkhidmatan sosial yang ada belum berupaya menampung ramainya warga tua yang memerlukan perkhidmatan.
2. Suka atau tidak suka, tidak dapat ditolak bahawa keluargalah yang merupakan komuniti yang paling tepat untuk memberi perkhidmatan terhadap salah satu

anggota keluarganya yang sudah warga tua, dan peranan keluarga ini perlu dimaksimalkan.

3. Terdapat pandangan (stigma) negatif daripada masyarakat tentang keberadaan panti dan ibu, bapa yang sudah tua yang dititipkan di dalam panti. Dalam hal ini, terdapat pandangan bahawa bahawa anak yang menitipkan ibu dan bapanya yang sudah tua adalah anak yang berdosa dan tidak baik serta tidak tahu berterima kasih. Terdapat juga andaian bahawa dengan memasukkan ibu bapa yang sudah tua ke panti, memberi pengertian bahawa bapa tersebut dibuang atau di singkirkan daripada keluarga oleh anak.
4. Memberi perkhidmatan yang menjunjung tinggi harkat dan martabat warga tua dalam melaksanakan dan mewujudkan hak asasi warga tua merupakan tanggung jawab daripada anak dan merupakan peran daripada keluarga.
5. Terhadnya komunikasi dan hubungan yang akrab dengan anggota keluarga. Pada sisi lain hubungan yang harmoni dan perhatian yang lebih daripada anggota keluarga terhadap ibu, bapa yang sudah tua merupakan salah satu keperluan yang diperlukan oleh warga tua. Hal ini, kerana warga tua mempunyai andaian bahawa keluarga merupakan bahagian penting daripada keberadannya.
6. Kurangnya penyertaan masyarakat terhadap perkhidmatan warga tua.

Kelemahan model perkhidmatan sosial bagi warga tua di atas merupakan suatu dilema yang berlaku yang harus dihadapi oleh seorang warga tua pada sebuah pilihan yang sukar. Pada satu sisi anggota keluarga mengalami situasi yang tidak memungkinkan untuk merawat ibu, bapa yang telah berusia lanjut dengan alasan pekerjaan dan kesibukan, sehingga membuat keluarga tidak lagi memiliki waktu

bebas untuk selalu bersama kedua orang tua yang sudah berusia lanjut. Di sisi lain, jika warga tua berada di panti, terdapat pula beberapa keperluan utama yang tidak dapat dipenuhi, terutamanya tidak terpenuhinya keperluan hubungan kasih sayang daripada anggota keluarga warga tua.

Di sudut lain, Siporin (1975) mengemukakan bahawa terdapat tiga sistem sumber yang menjadi saluran dalam penanganan permasalahan individu, iaitu keluarga, kelembagaan (kerajaan) dan sistem sumber sosial. Dalam hal ini, jika saluran sistem kekekerabatan atau keluarga tidak mampu menangani permasalahan individu, maka saluran sistem kelembagaan (kerajaan) boleh digunakan dalam penanganan permasalahan individu. Jika keluarga dan institusi tidak dapat menangani permasalahan individu, maka sistem sumber sosial kemasyarakatan boleh digunakan sebagai alternatif penanganan masalah. Siporin (1975) mengungkapkan bahawa sistem sumber sosial merupakan jenis sistem sumber yang ada dalam komuniti/masyarakat yang memiliki nilai yang boleh digunakan dalam memenuhi keperluan dan memecahkan permasalahan individu.

Sesebuah komuniti atau masyarakat mempunyai potensi dan sumber yang boleh digunakan dalam penanganan permasalahan sosial individu. Hubungan sosial yang baik, kesepaduan sosial yang tinggi, dan kesedaran sebagai satu kesatuan komuniti merupakan potensi yang boleh digunakan dalam penanganan permasalahan individu warga tua. Dalam hal ini, jika sistem sumber keluarga dan kerajaan tidak dapat memecahkan permasalahan warga tua, maka sistem sumber sosial kemasyarakatan boleh digunakan dalam penanganan permasalahan warga tua.

Irianto (2010) mengemukakan bahawa ada beberapa kekuatan jika perkhidmatan sosial bagi warga tua boleh dijalankan oleh, dari dan untuk masyarakat serta di dalam masyarakat atau berasaskan masyarakat. Beberapa kekuatan terbabit adalah sebagai berikut:

1. Terpenuhinya seluruh keperluan yang diperlukan oleh warga tua, yang meliputi; keperluan asas (makanan, pakaian, perumahan dan kesihatan asas) dari keluarganya, keperluan keagamaan, keperluan kasih sayang dari keluarganya, keperluan sosial dan keperluan aktualisasi diri (*self actualization*). Hal ini, kerana warga tua dekat dengan keluarga, tetapi mereka boleh bergaul dan berhubungan dengan sesama warga tua untuk dapat tukar maklumat tentang kehidupan dan penghidupan serta dalam pengisian waktu luang.
2. Warga tua dapat menemukan kawan yang relatif seusia dengannya, dan mereka dapat berbagi cinta, rasa, cerita, suka duka, dan sebagainya. Keberadaan para warga tua di dalam komuniti, tentu saja memiliki latar belakang karakter yang berbeza, serta pelbagai ragam masalah.
3. Kuantiti warga tua yang boleh dapat perkhidmatan sosial dijalankan dalam jumlah yang ramai.
4. Dapat menghilangkan aspek negatif (stigma) dalam masyarakat tentang pandangan bahawa bahawa anak yang menitipkan ibu dan bapa yang sudah tua ke dalam panti adalah anak yang berdosa dan tidak baik serta tidak tahu berterima kasih.

Karang Warga Tua yang berlokasi di Kelurahan Sukaluyu, Distrik Bandung berdiri sejak tahun 2002 atas prakarsa masyarakat dan warga tua bekerja sama dengan Yayasan Kesuma Bandung yang bergerak di bidang pemerksaan

masyarakat. Karang Warga Tua merupakan salah satu model perkhidmatan sosial warga tuaberasaskan masyarakat yang dijalankan oleh masyarakat sendiri. Karang Warga Tua dibentuk sebagai wadah yang diharapkan dapat menampung aspirasi dan aktiviti yang diperlukan oleh warga komuniti tempatan yang berusia tua. Pada awal pembentukannya organisasi tersebut difasilitasi oleh Yayasan Kesuma Bandung. Namun untuk selanjutnya organisasi ini mencuba untuk berdikari.

Dengan adanya komitmen para pengurus dan penyertaan anggotanya, sehingga kini keanggotannya Karang Warga Tua terbabit telah berkembang dengan pesat dan berjumlah seramai 191 orang. Adapun aktiviti Karang Wara Tua terbabit meliputi aktiviti rekreatif dan sukan. Perkumpulan Kawang Warga Tua di Kelurahan Sukaluyu Kota Bandung meraih juara III Kota Bandung untuk pentadbiran terbaik warga tuapada tahun 2005.

Dipihak lain, belum ramai komunitisedia ada yang mempunyai gagasan untuk memperlakukan orang warga tua dengan pelbagai aktiviti sebagaimana yang dijalankan organisasi Karang Warga Tua. Belum ramai banyak komuniti memberi perkhidmatan sosial bagi warga tua dan belum ramai komuniti dalam memberi kesempatan dan menyediakan sarana dan prasarana bagi aktiviti warga tua, termasuk di dalamnya dalam menumbuhkan “Karang Warga Tua.” Pada sisi lain, bahawa dalam suatu komuniti pasti mempunyai sumber kekuatan, sama ada sumber rasmi, tidak rasmi mahupun sumber kemasyarakatan.

Berdasarkan gambaran pernyataan masalah di atas, maka perlu adanya pengembangan model perkhidmatan sosial bagi warga tuaberasaskan masyarakat. Pengembangan model tersebut menjadi penting kerana sebagai manusia,warga tua

perlu mendapatkan perkhidmatan sosial yang memadai dan layak. Di pihak lain, sumber perkhidmatan sosial yang layak dan memadai bagi warga tua tersebut telah tersedia ada di masyarakat. Pengembangan model perkhidmatan sosial bagi warga tuaberasaskan masyarakat ini boleh dijadikan strategi untuk melakukan perubahan ke arah peningkatan mutu perkhidmatan sosial bagi warga tua.

Objektif Kajian

Kajian ini dibuat untuk melakukan pengembangan ke atas model perkhidmatan sosial bagi warga tua yang berasaskan masyarakat. Berdasarkan hal tersebut, maka objektif dalam kajian ini adalah sebagai berikut:

1. Untuk mendapat pemahaman yang mendalam dan menyeluruh tentang gambaran permasalahan dan keperluan warga tua untuk meningkatkan berdikari warga tua dalam menjalankan aktiviti hidup.
2. Untuk mendapat pemahaman yang mendalam dan menyeluruh tentang program perkhidmatan sosial yang diperlukan warga tua untuk meningkatkan berdikari warga tua dalam menjalankan aktiviti hidup.
3. Menemukan pengembangan model perkhidmatan sosial bagi warga tua yang berasaskan masyarakat untuk meningkatkan berdikari warga tua dalam menjalankan aktiviti hidup.
4. Untuk mendapat pemahaman yang mendalam dan menyeluruh tentang sejauh mana pengaruh pengembangan model perkhidmatan sosial bagi warga tua yang berasaskan masyarakat ke atas peningkatan berdikari warga tuadalam menjalankan aktiviti hidupnya.

Soalan Kajian

Memandangkan latar belakang kajian dan pernyataan masalah serta objektif kajian yang hendak dicapai sebagaimana huraian di atas, maka dapat dirumuskan soalan kajian yang dijadikan landasan dalam penyelidikan ini adalah sebagai berikut:

1. Apakah gambaran permasalahan dan keperluan warga tua untuk meningkatkan warga tua berdikari dalam menjalankan aktiviti hidup?
2. Apakah program perkhidmatan sosial yang diperlukan warga tua untuk meningkatkan warga tuaberdikari dalam menjalankan aktiviti hidup?
3. Apakah pengembangan model perkhidmatan sosial bagi warga tua yang berasaskan masyarakat untuk meningkatkan warga tua berdikari dalam menjalankan aktiviti hidup?
4. Sejauh manakah pengaruh pengembangan model perkhidmatan sosial bagi warga tua yang berasaskan masyarakat ke atas peningkatan warga tuaberdikari dalam menjalankan aktiviti hidupnya?

Kepentingan Kajian

Memandangkan latar belakang, pernyataan masalah, objektif dan soalan kajian yang mahu dicapai, maka kajian ini diharapkan dapat berguna dalam memperkaya penjelasan ilmiah dalam mengembangkan ilmu kesejahteraan sosial, khasnya tentang model perkhidmatan sosial bagi warga tua yang berasaskan masyarakat untuk meningkatkan berdikariwarga tua dalam menjalankan aktiviti kehidupannya. Selain itu, kajian ini sangat penting dalam mengembangkan pemahaman yang mendalam tentang gambaran permasalahan dan keperluan warga tua, karakteristik warga tua dan perkhidmatan sosial warga tuaberasaskan masyarakat.

Selain hal tersebut di atas, kajian ini juga sangat penting dalam memberi sumbangan pemikiran dan menjadi bahan pertimbangan untuk kerja sosial dalam meningkatkan perkhidmatan sosial bagi warga tua, khasnya tentang model perkhidmatan sosial bagi warga tua yang berasaskan masyarakat. Kajian ini juga sangat penting bagi Kerajaan Indonesia, pertubuhan bukan kerajaan, swasta dan masyarakat dalam mengembangkan usaha meningkatkan perkhidmatan sosial bagi warga tua.

Permasalahan warga tua merupakan permasalahan yang kompleks yang meliputi aspek fizikal, kejiwaan dan sosial. Oleh kerana itu, perlu ada usaha dalam memberi perkhidmatan sosial bagi golongan lanjut usia. Terdapat tiga jenis perkhidmatan sosial bagi warga tua, iaitu: perkhidmatan sosial bagi warga tuaberasaskan keluarga, perkhidmatan sosial warga tuaberasaskan lembaga dan perkhidmatan sosial bagi warga tuaberasaskan masyarakat. Daripada ketiga-tiga jenis perkhidmatan sosial tersebut, jenis perkhidmatan sosial bagi warga tua yang berasaskan masyarakat merupakan jenis perkhidmatan yang sangat baik yang boleh digunakan dalam menjalankan perkhidmatan sosial bagi warga tua. Berdasarkan hal tersebut, kajian ini dibuat untuk melakukan pengembangan ke atas model perkhidmatan sosial bagi warga tua yang berasaskan masyarakat untuk meningkatkan berdikari warga tua dalam menjalankan aktiviti kehidupannya.

Susunan Bab Hasil Penyelidikan

Berdasarkan objektif kajian yang ingin dicapai, susunan penulisan kajian ini dihuraikan seperti berikut:

BAB I membahaskan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian dan organisasi penulisan.

BAB II membahaskan sorotan literatur tentang konsep warga tua yang memuatkan karakteristik warga tua dan permasalahan serta keperluan warga tua. Selanjutnya, dihuraikan konsep tentang perkhidmatan sosial bagi warga tua dan jenis-jenis perkhidmatan sosial yang diberi kepada warga tua. Selain itu, juga dihuraikan tentang konsep berdikariwarga tua, dan huraian fungsi dan peranan kerja sosial dalam penanganan masalah sosial warga tua.

BAB III membahaskan kerangka kerja teoritikal. Bab ini merupakan hasil pemikiran yang dibina dari teori-teori dan kajian literatur. Kerangka kerja ini menjadi asas pengukuran terhadap pemboleh ubah kajian, menjadi asas hipotesis hubungan sebab akibat antara pemboleh ubah kajian, menjadi asas bagi alat analisis data, menjadi asas kajian kemungkinan intervensi sesuai dengan hasil pengukuran pemboleh ubah kajian, serta menjadi asas untuk mengevaluasi keberkesanan intervensi tersebut.

BAB IV membahaskan metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini. Dalam Bab IV ini dihuraikan hipotesis alternatif kajian, desain kajian, pemboleh ubah kajian, teknik pengumpulan data, instrumen kajian, populasi dan persampelan, dan teknik penganalisan data.

BAB V menghuraikan dapatan kajian. Huraian dalam Bab V ini dimulakan dengan gambaran lokasi kajian. Seterusnya, berdasarkan objektif kajian di atas, bab ini turut menghuraikan dapatan kajian kualitatif, yang merangkumi: gambaran

permasalahan dan keperluan warga tua dalam menjalankan aktiviti hidup; program perkhidmatan sosial yang diperlukan warga tua sehingga mereka boleh jaya diri dalam menjalankan aktiviti hidup; dan pengembangan model perkhidmatan sosial berbasaskan masyarakat bagi warga tua untuk meningkatkan berdikari warga tua dalam menjalankan aktiviti hidup. Selanjutnya, dalam bab ini juga mengemukakan dapatan kajian kuantitatif dan kualitatif.

BAB VI membahaskan akan Perbincangan, Implikasi, dan Cadangan Kajian. Dalam bab akhir penyelidikan ini dihuraikan analisis penemuan kajian, implikasi terhadap gedung ilmu kesejahteraan sosial, dan hala tuju kajian. Dalam bahagian analisis penemuan kajian, huraian merangkumi perbincangan dapatan kajian tentang gambaran permasalahan dan keperluan warga tua untuk meningkatkan jaya diri dalam menjalankan aktiviti hidup dan program perkhidmatan sosial yang diperlukan warga tua untuk meningkatkan jaya diri mereka dalam menjalankan aktiviti hidup.

BAB II

SOROTAN LITERATUR

Pendahuluan

Keperluan untuk meningkatkan warga tua berdikari dalam menjalankan aktiviti hidup. Kedua, untuk mendapat pemahaman yang mendalam dan menyeluruh tentang program perkhidmatan sosial yang diperlukan untuk meningkatkan warga tua berdikari dalam menjalankan aktiviti hidup. Ketiga, menemukan pengembangan model perkhidmatan sosial bagi warga tua berasaskan masyarakat untuk meningkatkan warga tua agar berdikari dalam menjalankan aktiviti hidup. Objektif dalam kajian ini merangkumi pertama, untuk mendapat pemahaman yang mendalam dan menyeluruh tentang gambaran permasalahan dan. Keempat, untuk mendapat pemahaman yang mendalam dan menyeluruh tentang sejauh mana pengaruh pengembangan model perkhidmatan sosial bagi warga tua berasaskan masyarakat ke atas peningkatan warga tua berdikari dalam menjalankan aktiviti hidupnya; dan kelima, untuk mempersiapkan komuniti dalam memberi perkhidmatan sosial kepada warga tua.

Berdasarkan objektif kajian di atas, maka pada bab sorotan literatur ini, merangkumi pelbagai literatur tentang konsep warga tua yang di dalamnya memuatkan pengertian warga tua, karakteristik warga tua dan permasalahan serta keperluan warga tua. Selanjutnya dalam sorotan literatur ini juga menghuraikan konsep tentang perkhidmatan sosial bagi warga tua dan jenis-jenis perkhidmatan sosial yang diberikan kepada warga tua. Selain itu, penyelidik juga menghuraikan tentang konsep berdikari warga tua. Pada bahagian akhir daripada sorotan literatur ini, penyelidik menghuraikan fungsi dan peranan kerja sosial dalam penanganan

permasalahan sosial warga tua. Diharapkan kajian literatur ini dapat menghantarkan penyelidik dalam melakukan kajian berkait dengan topik kajian.

Konsep Warga Tua

Karakteristik Warga Tua

Demartoto (2007) mengemukakan bahawa warga tua pada umumnya ditandai oleh gejala-gejala fizikal. Namun demikian proses berlakunya perubahan pada aspek fizikal tersebut pada setiap orang berbeza-beza. Gejala-gejala perubahan fizikal tersebut antara lain; berhenti haid, cepat capai atau letih, rambutnya mulai menipis dan beruban, mulai kehilangan kerampingan badan, dan penghasilan warga tua mulai menurun.

Buckly (1972) mengemukakan bahawa penanda aras atau karakteristik warga tua adalah sebagai berikut:

1. Usia. Seseorang dikatakan warga tua jika orang tersebut mempunyai usia tua dan orang tersebut harus mengetahui dan memahami sebagai orang tua. Pada umumnya, warga tua memiliki pengertian kejiwaan dan budaya yang berbeza-beza. Masyarakat menganggap bahawa usia tua adalah sesuatu yang mengkhawatirkan dan menakutkan. Demikian juga usia tua itu sendiri membuatkan warga tua merasakan akan penolakan masyarakat yang akhirnya menyebabkan warga tua secara emosional merasa tidak tenang dalam kehidupannya.
2. Kematian. Kematian merupakan fakta kehidupan bagi orang tetapi kematian sebagai ancaman yang tidak dapat dihindarkan. Semakin tua semakin dekat dengan kematian. Hal tersebut merupakan fakta yang dirasakan dan ditanggapi

secara berbeza-beza oleh warga tua. Warga tua adalah orang yang berangsur-angsur kehidupan di dunianya semakin berkurang. Kehidupan yang semakin hari semakin berkurang, maka ramai warga tua yang merasa khawatir akan kekuatan-kuatannya yang semakin hari semakin berkurang.

3. Intensifikasi (Peningkatan). Pada umumnya warga tua menjadi lebih egosentrik. Mereka kurang bertenggang rasa dengan yang lainnya tetapi sibuk memikirkan atau merenungkan tentang kematian, agama, dirinya sendiri dan keadaan fizikalnya. Keadaan ini merupakan perilaku warga tua yang bersifat semula jadi atau alamiah yang merupakan reaksi pertahanan diri warga tua terhadap penolakan masyarakat terhadap dirinya.
4. Penyakit. Warga tua pada umumnya dikelilingi oleh penyakit sehingga mereka biasanya dalam keadaan sakit. Dalam hal ini, yang perlu diperhatikan dan difahami adalah akibat kejiwaan daripada penyakit yang ada pada warga tua terhadap semangat dan kekuatan warga tua.
5. Kesepian dan Keterasingan. Ramai warga tua berada dalam situasi kesepian sebagai akibat daripada kehilangan pelbagai aspek dalam kehidupannya seperti kehilangan sahabat, anak, isteri atau suami.

Warga tua menunjukkan perkembangan daripada tahap kehidupan terakhir yang merupakan sebahagian kehidupan yang menampilkan pelbagai potensi untuk keadaan menyenangkan, kepuasan dan tercapainya pemenuhan pelbagai keperluan. Namun demikian, terdapat stereotip atau stigma yang seringkali muncul terhadap istilah warga tua bahawa warga tua adalah sebagai seorang yang mengalami kesepian, sering sakit, lemah, menggerutu dan beban lain. Wetle (1991) cuba menyimpulkan tentang stereotip atau stigma warga tua, iaitu; (1) warga tua adalah